



| |
|----------------|
| KERATAN AKHBAR |
|----------------|

| | | | | | |
|--------------|---|---------------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | : | | |
| TARIKH | : | 29/12/2018 | MUKA SURAT | : | 15 |
| JABATAN | : | KATS / JPS / BANJIR / RTB | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |

Gabung lima inisiatif urus sumber air, tebatan banjir

Kuala Lumpur: Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan menggabungkan lima inisiatif utama pengurusan sumber air negara bagi mengatasi isu yang tercetus kesan bencana luar biasa di Kota Belud, Sabah.

Selain Rancangan Tebatan Banjir (RTB), empat inisiatif lagi ialah Sistem Imbangan Air Negara (NAWABS), Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB), Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) dan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA).

Semua inisiatif akan digabungkan secara bersepadu dalam kajian kebolehlaksanaan mengenai sumber air dan tebatan banjir bersepadu bagi Lembangan Sungai Kedamaian yang akan dirangka kementerian itu dalam masa terdekat.

Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembentungan) kementerian terbabit, Azizah Ariffin, berkata kajian itu cadangan penyelesaian bagi memastikan bencana di Kota Belud tidak memberi ancaman berterusan kepada penduduk.

Kajian itu, katanya, merangkumi dua aspek penting, iaitu pelaksanaan empat inisiatif utama pengurusan sumber air dan pelaksanaan program CEPA (Komuniti, Pendidikan dan Kesedaran Masyarakat Menghadapi Banjir).

Sedia pelan pengurusan risiko

"Kajian bersepadu merangkumi NAWABS dan PRABS, PRISMA, IRBM dan RTB di Lembangan Sungai Kedamaian merangkumi komponen keperluan air untuk pengairan, domestik dan industri serta tebatan banjir.

"Ia akan turut menyediakan pelan pengurusan risiko bencana daerah itu. Program CEPA untuk masyarakat Kota Belud pula bagi menghadapi banjir dan gempa bumi, akan dilakukan bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)," katanya kepada BH.

Azizah berkata, pelaksanaan penyelesaian secara total atau jangka panjang di Kota Belud, bergantung kepada cadangan akan diberikan hasil kajian itu, namun ia akan dilaksanakan secara berperingkat.

"Bagi perancangan jangka pendek pula iaitu mengatasi isu perubahan bentuk muka bumi Sungai Kadamaian, tindakan bersama akan dilakukan JPS dan syarikat dilantik Kerajaan Sabah untuk mengurangkan banjir di sepanjang laluan sungai itu.

"Kerajaan negeri menerusi JPS Sabah sedang melaksanakan projek khas pengorekan dan pengambilan batu serta pasir dari sungai berkenaan," katanya sambil menambah, bencana di daerah itu menyebabkan 31,000 penduduk terjejas.

Azizah berkata, pihak kementerian melihat situasi di Kota Belud sebagai luar biasa kerana Sungai Kadamaian dan cabang-cabangnya pada asalnya lebar dan dalam, tetapi kini cetek.

"Ketika hujan lebat, aliran di hulu sungai tinggi, mengalir deras ke hilir dan menyebabkan hilir sungai mengalami kenaikan air yang tinggi serta mendadak. Ia seterusnya menyebabkan banjir di sebahagian besar kawasan berhampiran Sungai Kadamaian," katanya.